

BERITA HARIAN, SELASA, 9 FEBRUARI, 1982

# ALIH KE TIMUR

## Saranan Mahathir disokong



■ RAJA TAN SRI MOHAR

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Kalangan perniagaan Malaysia dan Jepun menyokong penuh saranan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada rakyat Malaysia supaya mereka mengalihkan tumpuan ke sebelah timur dan mencontohi rakyat Jepun dalam mendapatkan bukan saja kemahiran dan pengetahuan malah dari segi nilai dan etika pekerjaan.

Mereka juga berjanji akan memberi sumbangan dalam apa jua cara yang mungkin, melalui sektor swasta di kedua-dua negara, bagi memenuhi hasrat Perdana Menteri.

Ikrar tersebut disampaikan kepada Perdana Menteri oleh Presiden Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA), Raja Tan Sri Mohar Raja Badiuzaman, semasa Datuk Seri Dr. Mahathir merasmikan sidang tahunan bersama kelima persatuan itu dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (JAMECA) di sini hari ini.

"Kami menyanjung tinggi hasrat Perdana Menteri melalui kenyaataannya supaya Malaysia mengikut jejak langkah Jepun dan juga bagi Jepun membantu Malaysia di bidang ekonomi dan teknologi yang akan membawa faedah bersama kepada kedua-dua negara," kata Raja Tan Sri Mohar.

Mengenal perubahan dalam dasar kerajaan Jepun yang kini menggalakkan pelaburan sektor swasta Jepun dalam ekonomi negara-negara, membangun daripada memberi bantuan terus, beliau menegaskan, MAJECA dan JAMECA akan memainkan peranan lebih penting dalam menarik penyertaan Jepun dalam pembangunan ekonomi Malaysia atas dasar kepentingan bersama.